

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI USAHA WAJAR		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/DD/P-07	SEMAKAN: 00	M/SURAT : 1 3

1.0 PERNYATAAN POLISI

Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (*selepas ini dirujuk sebagai “LRTSB”*) komited untuk melaksanakan Usaha Wajar (Due Diligence) secara berkesan, sistematik dan berterusan bagi mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko integriti, pematuhan, kewangan dan reputasi.

Usaha Wajar adalah mandatori dan hendaklah dilaksanakan sebelum sebarang pelantikan, kerjasama, transaksi atau penglibatan dengan pihak ketiga, serta disemak secara berkala berdasarkan tahap risiko.

2.0 TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk menetapkan prinsip, skop dan keperluan pelaksanaan Usaha Wajar (Due Diligence) bagi memastikan semua keputusan, urusan dan hubungan perniagaan LRTSB dan anak syarikatnya (*selepas ini dirujuk sebagai “Kumpulan”*) dilaksanakan secara berintegriti, telus dan mematuhi undang-undang serta dasar dalaman yang berkuat kuasa.

3.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja Kumpulan termasuk Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan, serta merangkumi organisasi di bawah kawalan Kumpulan, sekutu perniagaan dan semua pihak ketiga yang berurusan dengan Kumpulan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, vendor, kontraktor, perunding, rakan niaga, ejen serta mana-mana pihak yang mempunyai hubungan kontraktual atau komersial dengan Kumpulan.

4.0 DEFINISI USAHA WAJAR (DUE DILIGENCE)

Usaha Wajar (Due Diligence) adalah proses sistematik untuk mendapatkan, menyemak dan menilai maklumat berkaitan pihak, aktiviti atau transaksi bagi tujuan pengurusan risiko dan pematuhan.

5.0 PRINSIP PELAKSANAAN

Pelaksanaan Usaha Wajar (Due Diligence) hendaklah berasaskan prinsip berikut:

- Berasaskan risiko (risk-based approach)
- Berkadar (proportionate) dengan tahap risiko
- Telus dan boleh diaudit
- Didokumenkan dan dipantau
- Disemak secara berkala

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI USAHA WAJAR		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/DD/P-07	SEMAKAN: 00	M/SURAT : 2 3

6.0 JENIS USAHA WAJAR (DUE DILIGENCE)

Usaha wajar yang dilaksanakan oleh Kumpulan merangkumi, tetapi tidak terhad kepada:

- Usaha Wajar Pihak Ketiga
- Usaha Wajar Integriti
- Usaha Wajar Perniagaan
- Usaha Wajar Anti-Rasuah

7.0 PROSES USAHA WAJAR (DUE DILIGENCE)

Proses usaha wajar Syarikat merangkumi langkah berikut:

- i. Pengenalpastian pihak, aktiviti atau transaksi
- ii. Pengumpulan maklumat dan dokumen sokongan
- iii. Penilaian dan pengelasan tahap risiko
- iv. Kelulusan atau keputusan berdasarkan risiko
- v. Pelaksanaan kawalan atau syarat tambahan (jika perlu)
- vi. Pemantauan dan semakan berterusan

8.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah	Bertanggungjawab untuk memastikan hala tuju dan pengawasan pelaksanaan polisi ini.
Pengurusan	Bertanggungjawab melaksanakan, memantau dan memastikan pematuhan terhadap keperluan Usaha Wajar.
Pemilik Risiko / Jabatan Berkaitan	Bertanggungjawab melaksanakan usaha wajar dan mengemukakan maklumat yang tepat dan lengkap.

9.0 PERLANGGARAN POLISI

Sebarang kegagalan mematuhi polisi ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib, pembatalan kontrak atau tindakan lain yang bersesuaian mengikut peraturan Kumpulan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI USAHA WAJAR		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/DD/P-07	SEMAKAN: 00	M/SURAT : 3 3

10.0 PEMILIK & PENYELENGGARAAN POLISI

- 10.1 Pemilik polisi ini ialah Unit Integriti & Tadbir Urus (IGU). Polisi ini hendaklah disemak bagi memastikan kesesuaiannya dengan keperluan semasa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun atau apabila perlu dan sekiranya terdapat sebarang perubahan yang besar. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui memorandum dalaman yang akan diedarkan terlebih dahulu.
- 10.2 Sebarang semakan terhadap polisi ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LRTSB.

-TAMAT-